PENYALAHGUNAAN DADAH DALAM KALANGAN RAKYAT TEMPATAN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM: PUNCA DAN PENYELESAIAN

USTAZAH DAYANG SUAAD BINTI DR HAJI SERBINI
DR ARMAN BIN HAJI ASMAD
DR HAJAH RASINAH BINTI HAJI AHIM
DR LILLY SUZANA BINTI HAJI SHAMSU
USTAZAH NURZAKIAH BINTI HAJI RAMLEE
USTAZAH ZURAIRATUL ZAKIAH BINTI DATO SERI SETIA HAJI RAJID

PENYELIDIKAN USAHASAMA ANTARA
BIRO KAWALAN NARKOTIK (BKN)
DAN
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

1433H/2012M

Copyright © 2013 BKN
Cetakan Pertama

2013M/1434H

Semua hakcipta terpelihara.
Tidak dibenarkan mengedar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, isi, kandungan buku ini, atau dipindahkan dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Biro Kawalan Narkotik.

Biro Kawalan Narkotik
Jabatan Perdana Menteri
Jalan Tungku Gadong
Bandar Seri Begawan BE2110
Negara Brunei Darussalam

Tel: +(673) 2448877 / 2422479/
2422480 / 2422481
Faks: +(673) 2422477
Emel: ncb@brunet.bn

ISBN:
978-99917-1-980-1

ABSTRAK

Isu penyalahgunaan dadah adalah antara gejala sosial yang diambil perhatian utama oleh pihak berwajib bagi membendungnya daripada terus menular di Negara Brunei Darussalam. Sungguhpun begitu tangkapan yang dilakukan bagi kesalahan dadah terus meningkat dari tahun ke tahun. Keadaan ini cukup mencemaskan tambahan lagi majoriti yang terlibat dengan isu ini adalah daripada kalangan rakyat tempatan yang beragama Islam. Ironinya golongan belia yang merupakan kelompok tertinggi yang terlibat dengan isu dadah ini menyedari sedari awal akan kesan dadah yang memudaratkan. Tetapi timbulnya keinginan untuk mencuba dan untuk keseronokan ditambah lagi dorongan daripada rakan sebaya, menjadi penyebab utama terjerumus ke kancah penyalahgunaan dadah. Justeru kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti faktor dan punca rakyat tempatan terlibat dengan penyalahgunaan dadah, di samping mencari jalan penyelesaian melalui pendekatan pendidikan dan perlaksanaan ajaran Islam. Metode kepustakaan digunakan bagi memperolehi bahan primier dan sekunder untuk memperjelas kedudukan dadah daripada kacamata Islam. Dalam pada itu, untuk memenuhi kesempurnaan kajian, metode lapangan diaplikasikan bagi mendapatkan maklumat terkini berkaitan demografi yang dikaji. Sesungguhnya kefahaman ajaran Islam yang disertai dengan pelaksanaan yang *istiqamah* mampu menjadi benteng daripada terpengaruh dengan gejala sosial ini. Peranan ibu bapa dalam menerapkan *tarbiyyah* Islam adalah pendekatan yang paling praktikal bagi menangani kegiatan penyalahgunaan dadah. Penghayatan kepada ajaran Islam yang syumul adalah kunci kepada keselamatan dan kesejahteraan hidup.

ISI KANDUNGAN

JUDUL		HALAMAN
HALAMAN JUDUL		i
ABSTRAK		ii
ISI KANDUNGAN		iii
SENARAI ILUSTRASI		viii
SENARAI LAMPIRAN		xi
BAB	: **PENDAHULUAN**	1-13
	PENGENALAN	1
	LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN	2
	PERSOALAN KAJIAN	4
	OBJEKTIF KAJIAN	4
	KEPENTINGAN KAJIAN	4
	SKOP KAJIAN	6
	BATASAN KAJIAN	6
	KAJIAN LEPAS	7
	METODOLOGI KAJIAN	10
BAB I	: **PENYALAHGUNAAN DADAH**	14 – 24
	PENDAHULUAN	14
	PENYALAHGUNAAN DADAH ISU GLOBAL	14
	PENYALAHGUNAAN DADAH DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM	15
	BELIA MELAYU BERAGAMA ISLAM DAN PENYALAHGUNAAN DADAH	17
	PENGHARAMAN DADAH DALAM ISLAM	18
	i Pengharaman dadah melalui nas al-Quran	18
	ii Pengharaman dadah melalui nas hadis	19
	iii Pengharaman dadah melalui *qiyas*	20
	iv Pengharaman dadah berdasarkan *maqasid* (matlamat) *syar'iyyah*	20

FATWA PENGHARAMAN DADAH 21

i Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia 22
ii Lujnah Fatwa Universiti al-Azhar 23

BAB II : ANALISIS PENYALAHGUNAAN DADAH DALAM KALANGAN RAKYAT TEMPATAN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 25 – 36

PENDAHULUAN 25
ANALISIS LATAR BELAKANG PROFIL RESPONDEN 25

i Puak 26
ii Jantina 28
iii Status Kerakyatan 28
iv Peringkat Umur 29
v Status Perkahwinan 31
vi Tempat Tinggal 32
vii Kelulusan Akademik 33
viii Pekerjaan 35
ix Agama 36

ANALISIS PENYALAHGUNAAN DADAH DALAM KALANGAN RAKYAT TEMPATAN 36 – 43

i Kategori Kesalahan 37
ii Cara Pengambilan Dadah 38
iii Kes Berulang 39
iv Keengganan Mengulangi Kesalahan Dadah 40
v Faktor Kes Berulang 40
vi Jenis Dadah 41

ANALISIS FAKTOR TERLIBAT DENGAN PENYALAHGUNAAN DADAH 43 – 45

ANALISIS PENGARUH YANG MENYUMBANG KEPADA PENYALAHGUNAAN DADAH 45 – 53

i Pengaruh Rakan Sebaya 46
ii Pengaruh Kesan Alkohol atau Ubat-Ubatan 47
iii Pengaruh Masyarakat Dan Persekitaran 48
iv Pengaruh Media Massa 48
v Pengaruh Kekasih 49
vi Pengaruh Sekolah Atau Guru-Guru 50
vii Pengaruh Keluarga 50

ANALISIS SUMBER MEMPEROLEHI DADAH 53 – 55

ANALISIS IBU BAPA ATAU PENJAGA PERIHAL MENYEDARI ANAK TERLIBAT DENGAN DADAH 56 – 59

i Tanggapan Awal Terlibat Dengan Dadah 56
ii Tanda-Tanda Awal Terlibat Dengan Dadah 57
iii Tindakan Awal Untuk Menangani Masalah Dadah 58

ANALISIS KESEDARAN TENTANG BAHAYANYA DADAH 60 – 62

ANALISIS LATAR BELAKANG PENDIDIKAN AGAMA 62 – 66

i Tahap Kelulusan Agama Secara Formal 63
ii Tahap Kelulusan Pengajian Arab 64
iii Pendidikan Agama Peringkat Pengajian Tinggi 65

ANALISIS PELAKSANAAN AJARAN ISLAM 66-68

i Pengetahuan asas tentang agama Islam 66
ii Pelaksanaan Ajaran Islam 67

ANALISIS PENGAMALAN AGAMA DAN KEPERCAYAAN BAGI BUKAN ISLAM 69 – 70

ANALISIS ATAS FAKTOR PERMASALAHAN DIRI SENDIRI 70 – 71

ANALISIS PERMASALAHAN DALAM KELUARGA 71 – 73

ANALISIS PENDEKATAN IBUBAPA ATAU PENJAGA 73 – 79

i Bentuk Pendekatan 73
ii Perilaku Atau Sikap Ibubapa Atau Penjaga Dengan Anak-Anak 74
iii Perkongsian Masalah Antara Ibu Bapa Atau Penjaga Dengan Anak-Anak 76
iv Inisiatif Ibubapa Atau Penjaga Bagi Mengelak Anak Bergiat Semula Dengan Dadah 77
v Pelaksanaan Agama Dalam Institusi Keluarga 78

ANALISIS PERMASALAHAN EKONOMI 79-80

ANALISIS PROGRAM PEMULIHAN 80-83

i Penilaian Ke Atas Program Pemulihan 81
ii Kelemahan Program Pemulihan 83.

BAB III : RUMUSAN KAJIAN PENYALAHGUNAAN DADAH DALAM KALANGAN RAKYAT TEMPATAN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 84 – 90

PENDAHULUAN 84
RUMUSAN 84

i Latar belakang Penyalahguna Dadah 84
ii Faktor Penyalahgunaan Dadah 86

a. Faktor Diri Sendiri 86
b. Faktor Rakan Sebaya 87
c. Faktor Latar Belakang Keluarga 87

iii Faktor Pengaruh Alkohol Dan Ubat-Ubatan 90

BAB IV : CADANGAN DAN PENYELESAIAN 91 – 102

PENDAHULUAN 91

i Cadangan Kepada Individu 91
ii Cadangan Kepada Ibu Bapa Atau Penjaga 95
iii Cadangan Kepada Institusi Pendidikan 100
iv Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang 102

BAB : PENUTUP 103 - 105

BIBLIOGRAFI 106 - 107

SENARAI ILUSTRASI

JADUAL **HALAMAN**

Jadual 1	:	Kategori Puak	27
Jadual 2	:	Kategori Jantina	28
Jadual 3	:	Kategori Status Kerakyatan	29
Jadual 4	:	Kategori Umur	30
Jadual 5	:	Kategori Status Perkahwinan	31
Jadual 6	:	Lokasi Tempat Tinggal	109
Jadual 7	:	Kategori Kelulusan Akademik	34
Jadual 8	:	Kategori Pekerjaan	35
Jadual 9	:	Kategori Agama	36
Jadual 10	:	Kategori Kesalahan Dadah	37
Jadual 11	:	Cara Pengambilan Dadah	38
Jadual 12	:	Kes Berulang	39
Jadual 13	:	Faktor Kes Berulang	41
Jadual 14	:	Jenis Dadah	42
Jadual 15	:	Faktor Terlibat dengan Penyalahgunaan Dadah	43
Jadual 16	:	Pengaruh Terlibat dengan Penyalahgunaan Dadah	45
Jadual 17	:	Pengaruh daripada Ahli Keluarga	51
Jadual 18	:	Sumber Memperolehi Dadah	54
Jadual 19	:	Tanggapan Awal Terlibat dengan Dadah	56
Jadual 20	:	Tanda-Tanda Awal Terlibat dengan Dadah	57
Jadual 21	:	Tindakan Awal Bagi Menangani Masalah Dadah	59
Jadual 22	:	Tahap Kelulusan Agama	64
Jadual 23		Tahap Kelulusan Pengajian Arab	65
Jadual 24	:	Pendidikan Agama Peringkat Pengajian Tinggi	65
Jadual 25	:	Pengetahuan Asas Tentang Ajaran Islam	67
Jadual 26	:	Menunaikan Kewajipan	68
Jadual 27	:	Pengamalan Agama atau Kepercayaan	69
Jadual 28	:	Masalah Peribadi	70
Jadual 29	:	Punca Permasalahan Dalaman Keluarga	72
Jadual 30	:	Bentuk Pendekatan Ibu Bapa atau Penjaga Kepada Anak-Anak	73

Jadual 31 : Bentuk Perilaku atau Sikap Ibu Bapa/Penjaga Terhadap Anak-Anak 75
Jadual 32 : Pelaksanaan Agama dalam Institusi Keluarga 78
Jadual 33 : Punca Permasalahan Ekonomi 79
Jadual 34 : Program Pemulihan 82
Jadual 35 : Kelemahan Program Pemulihan 83

SENARAI ILUSTRASI

CARTA **HALAMAN**

Carta 1	:	Kategori Umur Ibu Bapa atau Penjaga	31
Carta 2	:	Lokasi Tempat Tinggal	33
Carta 3	:	Berhenti Mengulangi Kesalahan Dadah	40
Carta 4	:	Pengaruh Rakan Sebaya	46
Carta 5	:	Pengaruh Alkohol dan Ubat-Ubatan	47
Carta 6	:	Pengaruh Media Massa	49
Carta 7	:	Sumber Anak Memperolehi Dadah Menurut Persepsi Ibu Bapa atau Penjaga	55
Carta 8	:	Kesedaran Tentang Bahaya Dadah	61
Carta 9	:	Mendapat Pendidikan Agama Formal	63
Carta 10	:	Perkongsian Masalah Antara Ibu Bapa Atau Penjaga dengan Anak-Anak	76
Carta 11	:	Langkah-Langkah Bagi Mengelak Anak-Anak Bergiat Semula dengan Dadah	77
Carta 12	:	Pendedahan Program Anti-Dadah	81

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN			HALAMAN
A	:	BIRO KAWALAN NARKOTIK: TANGKAPAN 2009-2012 (JANUARI HINGGA 14 JUN 2012)	108
B	:	JADUAL TEMPAT TINGGAL	109
C	:	BORANG KAJI SELIDIK	112
D	:	SOALAN TEMUBUAL BERSTRUKTUR	130

BAB PENDAHULUAN

PENGENALAN

Penyalahgunaan dadah adalah antara gejala sosial yang menjadi isu tegar di peringkat nasional mahupun peringkat global. Isu ini bukanlah satu isu baru, namun ia tetap hangat diperbincangkan untuk mencari jalan penyelesaian lantaran kegiatannya yang semakin ligat lagi terancang seiring dengan kemajuan dunia. Seluruh dunia kebuntuan mencari alternatif bagi menumpaskan kegiatan ini daripada terus menjejaskan pembangunan masyarakat dan melumpuhkan kemajuan negara.

Penyalahgunaan dadah dianggap musuh negara kerana kesannya yang mampu mempengaruhi semua lapisan masyarakat bahkan menimbulkan kegusaran bilamana golongan belia menjadi sasaran utama. Perkara ini jelas berdasarkan data tangkapan penyalahgunaan dadah menunjukkan bahawa angka tertinggi yang terjerumus dalam penyalahgunaan dadah adalah golongan belia.

Statistik Tangkapan Biro Kawalan Narkotik Negara Brunei Darussalam menunjukkan bahawa para belia yang berumur 31 tahun ke atas adalah kelompok tertinggi iaitu seramai 262 orang pada tahun 2011. Diikuti oleh belia yang berumur antara 26 tahun hingga 30 tahun iaitu seramai 118 orang.[1] Lebih parah lagi majoriti yang didapati bersalah dengan isu penyalahgunaan dadah ini adalah rakyat tempatan yang berbangsa Melayu. Ini merupakan satu senario yang cukup menyedihkan lagi membimbangkan.

Perkataan 'rakyat' merujuk kepada Kamus Dewan, diertikan 'seluruh penduduk sesebuah negara yang sebagai syarat untuk mendirikan sesuatu pemerintahan'.[2] Sementara "tempatan" pula ialah 'yang berkaitan dengan tempat tertentu atau di tempat itu sendiri'.[3] Justeru dari aspek bahasa, penggunaan perkataan "rakyat" dan "tempatan" perlu beriringan, jika menyatakan maksud penduduk yang terdiri daripada kalangan orang yang menempati sesuatu tempat tersebut sahaja. Maka 'rakyat' adalah sinonim dengan warganegara, penduduk,

---

[1] Biro Kawalan Narkotik, Tangkapan 2009-2011, Unit Data, Cawangan Penyelidikan.
[2] *Kamus Dewan* (1998), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1091.
[3] *Ibid*, h. 1410.

bumiputera, peribumi, anak negeri, anak watan, anak bangsa, masyarakat, komuniti dan bangsa.[4]

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, 'rakyat tempatan' adalah merujuk kepada status rakyat jati mutlak bagi Negara Brunei Darussalam atau yang dipanggil puak Melayu. Puak Melayu diklasifikasikan kepada tujuh kategori iaitu Melayu Brunei, Melayu Kedayan, Melayu Tutong, Melayu Belait, Melayu Dusun, Melayu Murut dan Melayu Bisaya.[5] Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bagi tahun 2009, menunjukkan bahawa bangsa Melayu adalah populasi yang tertinggi dan menerajui bangsa lain dengan keramaian 269,400, diikuti dengan bangsa Cina seramai 44,600 dan bangsa-bangsa lain seramai 92,200.[6] Di samping itu, Islam merupakan agama yang dianuti oleh keseluruhan bangsa Melayu Brunei, Kedayan, Tutong dan Belait. Sementara dalam kalangan masyarakat Dusun, Murut dan Bisaya pula, menjalani kehidupan dengan piIihan agama masing-masing sama ada yang beragama Islam, Kristian atau lain-lain agama.[7]

Oleh itu, bagi mengekang menularnya gejala penyalahgunaan dadah dalam kalangan rakyat tempatan khususnya bangsa Melayu yang jika tidak ditangani dengan tindakan yang berkesan, pasti akan mengugat kesejahteraan dan keharmonian negara. Lantas penglibatan daripada pucuk pimpinan hingga kepada akar umbi adalah perlu iaitu daripada pelbagai pihak sama ada di peringkat pemimpin, kerajaan, masyarakat, persatuan sukarelawan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Di Negara Brunei Darussalam setiap kali tangkapan berkenaan gejala dadah pastinya keramaian tangkapan didahului oleh etnik Melayu daripada pelbagai puak. Sekalipun bangsa Melayu yang hampir keseluruhannya beragama Islam mengetahui

---

[4] http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=peribumi&d=10.

[5] Undang-Undang Taraf Kebangsaan Brunei, Undang-Undang No.4 dalam Surat Perlembagaan Negeri Brunei, Brunei: Government of Brunei 1961, h. 118-119.

[6] http://www.religious-affairs.gov.bn/index.php?ch=134&pg=980&ac=203&bb=132100.

[7] Agama-agama lain yang dianuti oleh masyarakat Dusun, Murut dan Bisaya seperti Buddha, agama tradisi atau agama adat dan yang berpendirian *'free thinker'*.

akan bahana bahan terlarang ini, namun kadar penyalahguna dadah dalam kalangan mereka masih mendominasi bangsa lain dan tetap konsisten.

Senario ini wajar diberi perhatian serius kerana serentak dengan berbagai usaha pembanterasan daripada pihak kerajaan dan bukan kerajaan, gejala ini masih menular dan semakin mengancam. Pihak kerajaan telah menguatkuasakan akta berkenaan dengan kesalahan penyalahgunaan dadah dan telah menggubal serta meminda akta tersebut sejajar dengan perkembangan terkini dalam permasalahan dadah. Hukuman berat turut dikuatkuasakan termasuk hukuman sebat dan hukuman mati mandatori. Hukuman mati ini juga dikuatkuasakan kepada kesalahan dadah jenis baru yang tersohor iaitu Syabu. Akta Penyalahgunaan Dadah khusus bagi pengedaran dadah jenis Syabu ini jelas menyebut:

> Jika sabit kesalahan di bawah Seksyen 3(a) Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27 iaitu kesalahan mengedar dadah yang dikawal boleh dikenakan hukuman minima lima tahun penjara dan lima sebatan manakala hukuman maksima ialah penjara 30 tahun dan 15 kali sebatan dan jika dadah jenis syabu itu melebihi dari 50 gram, hukumannya adalah mati.

Penguatkuasaan diperhebatkan dari semasa ke semasa, susulan itu beberapa rampasan telah berjaya dilakukan oleh pihak berkuasa. Namun, di sebalik kejayaan ini, isu dadah terus menghantui kita. Dalam tempoh lebih kurang tiga tahun kebelakangan ini sahaja Biro Kawalan Narkotik melaporkan sebanyak 1809 tangkapan dalam kes dadah. Daripada jumlah tersebut seramai 1530 daripadanya adalah berbangsa Melayu (Sila lihat lampiran A). Statistik ini menjadikan kajian amat signifikan untuk melihat sejauhmana keterlibatan rakyat tempatan dalam isu penyalahgunaan dadah.

Dalam pada itu, dapat disimpulkan bahawa masalah penagihan dan penyeludupan serta pengedaran dadah ini sememangnya disedari umum. Bahkan disedari oleh si penagih atau si pemilik dadah itu sendiri, namun kesedaran yang dangkal tidak mencukupi untuk menolak kemahuan nafsu amarah mereka. Justeru, kajian ini akan melihat dan mengenalpasti beberapa faktor yang telah menjebakkan orang muda berbangsa Melayu dalam gejala dadah. Seterusnya, akan cuba memberikan beberapa cadangan sebagai kesimpulan kajian dalam sama-sama berusaha menangani dan membanteras isu kebejatan moral yang tiada berkesudahan ini.

PERSOALAN KAJIAN

- Apakah punca utama sehingga terjebaknya rakyat tempatan dengan permasalahan dadah?
- Adakah latar belakang pendidikan agama memainkan peranan dalam mengekang meningkatnya penyalahgunaan dadah dalam kalangan anak tempatan?
- Apakah formulasi yang efektif untuk membanteras isu penyalahgunaan dadah kepada sifar?

OBJEKTIF KAJIAN

- Mengenalpasti punca dan faktor utama terlibatnya rakyat tempatan dengan kegiatan penyalahgunaan dadah.
- Mengenalpasti latar belakang pendidikan rakyat tempatan yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah
- Mengenalpasti peranan dan pendekatan ibu bapa atau penjaga dalam mendidik anak-anak.
- Mengusulkan beberapa kaedah dan formulasi bagi menangani isu penyalahgunaan dadah.
- Mempertingkat kesedaran tentang bahaya dadah.

KEPENTINGAN KAJIAN

Penyalahgunaan dadah dalam kalangan rakyat tempatan di Negara Brunei Darussalam merupakan satu gejala sosial yang perlu diatasi segera demi memastikan kesejahteraan dan masa depan negara. Oleh itu, dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi kepentingan kepada:

- **Individu**

  Kajian ini diharapkan dapat memberi kesedaran dan membuka mata para individu di negara ini terhadap kebinasaan yang diakibatkan oleh

penyalahgunaan dadah. Di samping memberikan pendedahan kepada masyarakat umum tentang faktor yang menyumbang ke arah gejala ini. Maka kajian ini adalah sebagai wadah untuk menyedarkan orang ramai agar tidak mudah terpengaruh dan terpedaya dengan segala gejala sosial seperti penyalahgunaan dadah.

- **Ibu bapa**

  Kajian ini sebagai bahan literature khususnya kepada para ibu bapa dan penjaga dalam menjana kesedaran mereka untuk mempersiap diri dengan ilmu keibubapaan dalam memastikan pembesaran anak-anak mengikut landasan yang betul agar menjadi seorang yang berguna kepada agama, bangsa dan negara. Kepentingan kajian ini kepada ibu bapa terserlah melalui peranan utama yang dimainkan oleh mereka dalam membina hubungan yang lebih produktif dengan anak-anak, memberikan kasih sayang serta membimbing mereka demi menjamin pembentukan sahsiah anak-anak yang cemerlang dan selamat daripada pelbagai gejala sosial masa kini.

- **Pihak institusi pendidikan**

  Kajian ini diharapkan dapat membantu dan menarik perhatian pihak-pihak yang berkenaan dalam institusi pendidikan tentang masalah penyalahgunaan dadah di negara ini. Dapatan kajian seperti faktor-faktor keterlibatan rakyat tempatan dalam masalah penyalahgunaan dadah diharapkan dapat memberi jalan untuk membentuk pelbagai program jati diri para pelajar yang bukan sahaja tertumpu kepada pengajaran di dalam bilik darjah. Selain itu, kurikulum dan sukatan matapelajaran hendaklah dinilai dan dipastikan dapat memberikan input yang mampu melahirkan nilai-nilai murni ke dalam jiwa para pelajar.

- **Pihak Biro Kawalan Narkotik (BKN)**

  Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak BKN dalam mengurangkan masalah penyalahgunaan dadah khususnya dalam kalangan rakyat tempatan di negara ini. Selain itu, membantu pihak BKN untuk mengenalpasti faktor

utama mereka terlibat dalam penyalahgunaan dadah, di samping berusaha mencari jalan penyelesaian membendung masalah penyalahgunaan dadah di negara ini.

- **Masyarakat**

  Kajian ini diharapkan dapat menarik perhatian masyarakat di negara ini agar sama-sama berganding bahu menangani masalah penyalahgunaan dadah. Dengan adanya kajian seperti ini, diharapkan semua lapisan masyarakat lebih peka dan tidak camah mata bagi memastikan negara ini bebas daripada pelbagai gejala sosial khasnya penyalahgunaan dadah.

SKOP KAJIAN

Kajian dijalankan melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada penghuni Pusat al-Islah, Penjara Jerudong, Penjara Maraburung dan juga peserta Program Latihan Kemahiran di Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kajian dijalankan tertumpu kepada mengenalpasti faktor-faktor rakyat tempatan terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

BATASAN KAJIAN

Dalam melaksanakan kajian ini terdapat beberapa batasan kajian iaitu:

1. Kajian dijalankan hanya tertumpu kepada pesalah dadah yang menjalani pemulihan atau hukuman di pusat-pusat berkenaan selain peserta Program Latihan Kemahiran di Pusat Pembangunan Belia.
2. Kajian dijalankan dengan mengumpul segala data yang kemudiannya dianalisis berpandukan borang soal selidik yang telah diisi oleh responden.
3. Segala dapatan kajian ini bergantung sepenuhnya kepada responden di mana kebolehpercayaan hasil kajian berdasarkan kepada tahap kejujuran dan kefahaman responden.
4. Kajian ini memfokuskan kepada faktor-faktor keterlibatan rakyat tempatan dalam penyalahgunaan dadah di Negara Brunei Darussalam.

5. Mengemukakan beberapa cadangan yang releven sebagai sandaran dalam usaha membendung gejala dadah.

KAJIAN LEPAS

Isu penyalahgunaan dadah di Negara Brunei Darussalam telah menjadi perhatian masyarakat umum yang sekali gus mendatangkan kerisauan dalam kalangan penduduk seluruh negara. Lantaran kesannya yang bukan hanya membahayakan individu yang terlibat dengan dadah bahkan meliputi seluruh masyarakat juga negara.

Pelbagai kajian mengenai isu dadah rancak dilakukan untuk mencari formula bagi menghentikan isu global ini. Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan turut mengambil inisiatif dengan melakukan beberapa kajian mengenai permasalahan dadah di peringkat nasional. Antara kajian-kajian tersebut adalah seperti berikut:

1. Kajian *"A Study on Drug Abuse Among Students in Negara Brunei Darussalam"* dilakukan oleh Unit Risikan (Intelligence Unit), Biro Kawalan Narkotik (BKN) pada tahun 1992 sehingga 1993. Kajian ini menumpukan kepada senario penyalahgunaan dadah dalam kalangan penuntut di Negara Brunei Darussalam serta sebab-sebab penularannya. Dalam pada itu kajian ini menyingkap gaya hubungan penuntut dengan institusi sosial serta persepsi tentang nilai dan aspirasi budaya.

2. Kajian yang bertajuk *"Students, Drugs and Drug Abuse in Brunei Darussalam: A Survey"* oleh Diana P.P Cheong dan Thomas B.Smith pada tahun 1997, kajian yang memfokuskan kepada penuntut-penuntut di peringkat maktab di seluruh negara. Kajian ini telah merungkai bahawa permasalahan dadah juga telah melanda para pelajar di peringkat maktab bahkan untuk mendapatkan bekalan dadah juga, mudah di dapati di kawasan persekolahan. Di samping itu, kajian mendapati gejala penyalahgunaan dadah mempunyai kaitan yang tinggi dengan tabiat merokok dalam kalangan penuntut sekolah.

3. Kajian "Workplace Drug Abuse In Brunei Darussalam" oleh Diana P.P Cheong dan Thomas B.Smith pada tahun 1998 merupakan kesinambungan daripada kajian di atas. Justeru kajian ini dilaratkan dalam kalangan mereka yang

mempunyai pekerjaan. Tumpuan kajian ke atas kaum lelaki yang berumur antara 21 hingga 30 tahun. Di samping itu kajian ini mengupas bidang pekerjaan yang terdedah dengan isu penyalahgunaan dadah.

4. Kajian yang bertajuk *"Economic Consequences of Drug Abuse and Illicit Trafficking"* dijalankan oleh Hazwani binti Suhaili, pada tahun 2006. Kajian ini tentang dadah dalam sudut ekonomi yang membawa kesan positif dan negatif dalam pembangunan sesebuah negara.

5. Kajian yang bertajuk "Sikap Ibu Bapa Terhadap Pendidikan Akhlak Dan Gejala Sosial Anak-Anak: Satu Kajian Di Sekolah Menengah Dan Pusat Pemulihan Komplek Rumah-Rumah Kebajikan, Kampong Belimbing Subok Dan Pusat Pemulihan Dadah (Al-Islah), Biro Kawalan Narkotik, Kampong Kupang Tutong, Negara Brunei Darussalam", tulisan Nooralizam bin Haji Idris bagi memperolehi Ijazah Sarjana Muda, tahun 2011.[8] Kajian memfokuskan kepada sikap dan peranan ibu bapa dalam membanteras keruntuhan akhlak dan gejala sosial termasuk penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja dan belia. Kepentingan dan pelaksanaan ajaran Islam turut dikupas dalam kajian ini, namun fokus kajian tidak signifikan kepada penyalahgunaan dadah tetapi meliputi semua kategori gejala sosial.

6. Kajian yang bertajuk "Penyalahgunaan Dadah Di Kalangan Belia: Kes Kajian Di Daerah Brunei Muara"[9] adalah hasil kerjasama mahasiswa dan mahasiswi secara berkumpulan, Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, pada tahun 2010. Kajian ini melimitasikan kajian kepada golongan belia di lokasi Daerah Brunei dan Muara sahaja. Menyentuh

---

[8] Noralizam Bin Haji Idris (07SK025). *"Sikap Ibu Bapa Terhadap Pendidikan Akhlak Dan Gejala Sosial Anak-Anak; Satu Kajian DI Sekolah Menengah Dan Pusat Pemulihan Komplek Rumah-Rumah Kebajikan, Kampong Belimbing Subok Dan Pusat Pemulihan Dadah (Al-Islah), Biro Kawalan Narkotik, Kampong Kupang Tutong, Negara Brunei Darussalam"*. Projek akhir Latihan Ilmiah Bagi Memperolehi Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama Seri Begawan, Fakulti Usuluddin, Kolej Universiti Ugama Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, 2011M/1432H.

[9] Faizal Anak Osili (08B0731), Nurhidayatullah Bin Haji Zulkiflee (08B0088), Dk. Nurhidayah Bte Pg. Azahar (08B0118), Ali Fadlyzul Bin Rosli (08B0030), Muhd Fauzi Bin Haji Mohd Daud (08B0062), Hj Muhd Zul-Azri Hj Abd Rajid (07B0837), Maymunah Binti Zakaria (08B2908), Nursyazwani Binti Haji Su'ut (08B3043) dan Hamizah Binti Julaihi (08B3045). *"Penyalahgunaan Dadah Di Kalangan Belia: Kes Kajian Di Daerah Brunei Muara"*. Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam. Semester 7, Sesi Pengajian 2010/2011.

mengenai ajaran Islam, kajian hanya menjelaskan mengenai dadah menurut perspektif Islam. Tiada kupasan tentang latar belakang pendidikan agama dan pelaksanaan ajaran Islam dalam aktiviti harian dalam kalangan pesalah dadah mahupun ibu bapa dalam kajian ini.

7. Kajian "Drug Abuse: Relapse Study of Brunei Darussalam"[10] oleh Dr Hjh Sainah binti Hj Saim, PIKB dan Mr Chandraseagran Suppiah pula adalah kupasan tentang faktor-faktor berlakunya kes berulang bagi para penagih di di bawah pengawasan (*rehabilited drug abuse*) di Negara Brunei Darussalam. Kajian ini mendapati bahawa antara punca berlakunya kes berulang adalah disebabkan kurangnya pengetahuan agama dan penyelesaiannya adalah dengan cara mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala.*

Kajian di atas adalah antara kajian yang dilakukan mengenai penyalahgunaan dadah di Negara Brunei Darussalam. Namun rata-ratanya hanya berkisar kepada faktor dan tertumpu kepada pelajar serta golongan belia sahaja. Sementara kajian yang mengupas tentang ajaran Islam, hanya menyentuh mengenai hukum dadah. Di samping itu perbincangan mengenai kepentingan ajaran Islam dan pelaksanaannya sangat terbatas, yang mana hanya melibatkan dapatan daripada hasil kajian.

Kajian yang dilakukan secara usahasama antara Biro Kawalan Narkotik (BKN) dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bertajuk "Penyalahgunaan dadah dalam kalangan rakyat tempatan di Negara Brunei Darussalam: Punca Dan Penyelesaian". Fokus kajian adalah kalangan mereka yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah di seluruh negara dan tumpuan khusus kepada yang sedang menjalani pemulihan dan hukuman di empat-empat lokasi utama iaitu Pusat al-Islah, Pusat Pembangunan Belia, Penjara Jerudong dan Penjara Maraburong.

Kajian ini juga memberikan penjelasan mengenai dadah menurut perspektif Islam, di samping mengupas tentang latar belakang pendidikan agama, pengamalan dan pelaksanaan agama dalam kehidupan harian para pesalah mahupun ibu bapa atau penjaga mereka. Pendekatan Islam didedahkan dalam kajian ini sebagai rujukan dalam menangani permasalahan dadah.

---

[10] Dr Hjh Sainah binti Hj Saim, PIKB dan Mr Chandraseagran Suppiah. " *Drug Abuse: Relapse Study of Brunei Darussalam*", Biro Kawalan Narkotik-Universiti Brunei Darussalam Research Project. 2011.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi memperolehi data dan maklumat yang tepat lagi sempurna, dua kaedah penyelidikan digunakan untuk memenuhi keperluan kajian.

Metode Kepustakaan

Metode kepustakaan digunakan untuk mengumpul segala maklumat mengenai pengenalan dan definisi dadah, pandangan dan hukum-hakam Islam mengenai dadah serta kaedah Islam dalam mencari jalan penyelesaian mengenai permasalahan dadah. Maklumat diperolehi daripada bahan-bahan kepustakaan yang berbentuk buku-buku, artikel-artikel dan lain-lain dokumen yang berkaitan, termasuk e-library seperti Perisian *Maktabah Shamilah*, laman sesawang dan sebagainya.

Metode Lapangan

Metode lapangan digunakan untuk melengkapkan lagi data dan maklumat yang diperolehi mengenai fungsi dan peranan Biro Kawalan Narkotik (BKN) dalam menangani gejala dadah dan keperluan mengenalpasti factor serta elemen yang menyebabkan rakyat tempatan terjebak dalam kancah penyalahgunaan dadah.

Metode lapangan dalam kajian ini menggunakan dua (2) kaedah iaitu kaedah temubual dan kaedah kaji selidik.

a) Kaedah Temubual

Kaedah ini menggunakan teknik temubual berstruktur (tertutup), namun para responden diberikan kebebasan untuk memberikan jawapan menggunakan perkataan mereka sendiri. Temubual yang dijalankan daripada bulan Januari hingga bulan April 2012 ini, dilakukan secara bersemuka dengan beberapa individu sebagai informan untuk kajian ini yang terdiri daripada para pegawai BKN, Penghulu-penghulu, dan Ketua-ketua Kampung yang dipilih secara rawak. Alat perakam suara turut digunakan dalam kajian ini bagi membantu dan memudahkan proses temu bual.

b) Kaedah Kaji Selidik

Kaedah ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian dan responden utama adalah kalangan mereka yang terlibat dengan kegiatan penyalahgunaan dadah yang berada di bawah pengawasan, pemulihan atau sedang

menjalani hukuman. Kaedah ini juga melibatkan para ibu bapa atau penjaga kepada para responden yang berada di lokasi-lokasi kajian dijalankan iaitu Pusat al-Islah, Pusat Pembangunan Belia, Penjara Jerudong, dan Penjara Maraburong.

Borang soal selidik terlebih dahulu menjalani, *"validity test"* oleh para pegawai BKN bahagian penyelidikan terhadap soalan-soalan yang akan dikemukakan untuk memastikan borang soal selidik tersebut adalah relevan dan menepati tujuan.

i) Pengedaran borang kaji selidik

Sejumlah 882 set borang kaji selidik telah diedarkan kepada mereka yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan sejumlah 703 set kepada para ibu bapa atau penjaga mereka yang tertumpu di empat (4) buah lokasi utama kajian dijalankan. Sejumlah 551 set borang kaji selidik telah dikembalikan dengan sempurna iaitu sejumlah 448 set adalah maklum balas daripada kalangan yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan maklum balas daripada para ibu bapa atau penjaga mereka berjumlah 103 set.

Borang kaji selidik diedarkan secara berperingkat-peringkat yang bermula pada bulan Disember 2011 dan kutipan berakhir pada bulan Mei 2012.

ii) Penganalisaan borang kaji selidik

Segala maklum balas dan maklumat yang diperolehi daripada borang kaji selidik dianalisis menggunakan program *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Data-data yang diperolehi hasil daripada penganalisisan dipersembahkan dalam bentuk jadual, graf dan carta.

c) Kaedah Analisis Data

Kaedah ini digunakan untuk meneliti dan membuat kesimpulan sesuatu kajian. Dalam hal ini, terdapat beberapa kaedah yang diguna pakai untuk menganalisis data yang telah dikumpul bagi memberikan hasil yang berkesan.

i) Pengumpulan Data

Metode pengumpulan data kuantitatif dan metode pengumpulan data kualitatif digunakan dalam kajian ini.

Kajian kuantitatif bermaksud kajian yang berhubungkait dengan fakta-fakta yang diperolehi daripada pemerhatian secara langsung *(direct)* terhadap kaji selidik dan analisis data statistik. Dalam hal ini, metode pengumpulan data secara kuantitatif dalam kajian ini adalah daripada jumlah kaji selidik yang dijalankan ke atas mereka yang terlibat dengan kegiatan penyalahgunaan dadah di Brunei Darussalam serta ibu bapa atau penjaga mereka. Soalan-soalan berkaitan latar belakang profil, faktor serta elemen terlibat dengan isu dadah dan kesedaran tentang bahaya dadah adalah antara soalan yang dikemukakan dalam soal selidik terhadap mereka yang terlibat. Sementara itu soal selidik yang dikhususkan kepada ibu bapa atau penjaga pula adalah tentang tanda-tanda awal anak terlibat dengan dadah, tindakan dan langkah-langkah awal dalam menangani anak yang terlibat dengan isu dadah. Di samping itu yang berkaitan dengan latar belakang pendidikan dan pelaksanaan ajaran Islam dan pendekatan ibu bapa atau penjaga yang diaplikasikan dalam mendidik anak-anak mereka.

Kajian kualitatif pula bermaksud kajian yang berhubungkait dengan pemahaman tentang fenomena sosial dalam persekitaran semulajadi yang lebih tertumpu kepada deskripsi-deskripsi verbal dan penerangan terhadap tabiat manusia. Justeru, data untuk analisis secara kualitatif bagi kajian ini adalah data yang diperolehi daripada temubual bersama para informan. Dalam kajian ini, observasi secara terus terhadap aktiviti-aktiviti interaksi dijalankan di samping berbincang mengenai pengalaman dan persepsi mereka dalam usaha menangani gejala dadah. Catatan ekstensif dikutip melalui temubual dan pemeriksaan dokumen dan rekod-rekod yang diterima sepanjang temubual dilaksanakan. Data-data mentah yang dihimpun kemudian disusun dalam bentuk yang mudah dibaca serta diberikan deskripsi narratif, tema-tema utama dan kategori-kategori.

Secara khususnya aktiviti pengumpulan data bagi kajian ini adalah seperti berikut:

Pertama: Kaedah Induktif

Kaedah ini digunakan dalam penganalisisan data dengan membuat kesimpulan atau pembuktian daripada perkara yang bersifat khusus untuk merumuskan satu kesimpulan yang bersifat umum yang terhasil melalui soal-selidik. Bentuk kaedah ini digunakan dalam Bab II yang berkaitan dengan analisis penyalahgunaan dadah dalam kalangan rakyat tempatan di Negara Brunei Darussalam, yang mana

keputusan soal selidik daripada 551 orang responden tersebut adalah mewakili rakyat tempatan yang terlibat dengan dadah secara keseluruhannya.

Kedua: Kaedah Deduktif

Kaedah ini digunakan bagi menilai maklumat-maklumat daripada teori dan pengalaman tertentu untuk merumuskan kesimpulan yang bersifat khusus. Bentuk kaedah ini digunakan dalam Bab I iaitu berkaitan dengan Penyalahgunaan Dadah, yang mana kaedah ini menghuraikan masalah dan pengharaman dadah secara global yang seterusnya mengenai impak dadah daripada kacamata Islam.

BAB I

PENYALAHGUNAAN DADAH

PENDAHULUAN

Penemuan dadah pada dasarnya adalah suatu pencapaian kebaikan (yang baik) bahkan kerahmatan (suatu rahmat) khususnya bagi dunia perubatan. Ia mampu merawat penyakit di samping digunakan sebagai penahan sakit, bius dan sebagainya. Tetapi kebaikan-kebaikan ini adalah dalam penggunaan dos yang tertentu dan sedikit. Oleh itu, pada kebiasaannya entiti dadah tidak lagi dipanggil dadah dalam situasi ini tetapi disebut ubat, sekalipun kandungannya terdiri daripada komponen dadah. Justeru terbit istilah penyalahgunaan ubat terlarang yang mempunyai maksud yang sama dengan penyalahgunaan dadah secara umum.

PENYALAHGUNAAN DADAH ISU GLOBAL

Penyalahgunaan dadah secara umumnya ditakrifkan sebagai penggunaan bahan-bahan yang membawa kesan buruk atau bahaya kepada kesihatan dan fungsi sosial seseorang. Pada hari ini, isu penyalahgunaan dadah mendapat perhatian serius bukan sahaja di peringkat nasional bahkan juga di peringkat global. Tidak dinafikan penangan gejala sosial dalam isu ini merupakan salah satu agenda dunia yang sentiasa hangat dibincangkan dan semakin meruncing. Kesan dan implikasi buruk daripadanya lebih hebat berbanding isu kemiskinan, lantaran impaknya dilihat secara bersiri bermula dari penyeludupan dan pengedaran, kemudian membawa kepada penyalahgunaan dan seterusnya penagihan dadah. Penularan gejala dadah berlaku sangat pantas dan sasarannya tidak mengira bangsa, agama, usia, jantina, tahap pendidikan, status pekerjaan, dan sebagainya.

Statistik penyalahguna dadah di seluruh dunia sentiasa meningkat dan sehingga tahun 2002 sahaja penyalahguna dadah dilaporkan oleh Program Kawalan Dadah Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDCP) adalah seramai 185 billion orang.[11] Angka besar ini jelas menunjukkan bahawa permasalahan dalam gejala ini semakin berat dan parah. Serentak itu, memahami bahaya yang wujud sebagai akibat daripada

[11] Statistik UNDCP yang dipetik daripada laman sesawang rasmi Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO): http://www.who.int/substance_abuse/facts/global_burden/en/.

gejala sosial ini usaha memeranginya juga telah memakan banyak masa, tenaga, buah fikiran bahkan wang ringgit. Justeru, banyak negara menggubal undang-undang khusus dalam perkara dadah dan kebanyakan negara bersetuju untuk mengharamkan kemasukan dan pengedarannya pada dos tertentu dan menguatkuasa hukuman berat kepada pesalah dadah. Sesungguhnya usaha yang berterusan daripada semua pihak adalah demi membendung dan menyelamatkan generasi hari esok agar bersih daripada najis dadah yang menggelapkan masa depan bangsa dan negara.

PENYALAHGUNAAN DADAH DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Negara Brunei Darussalam tidak ketinggalan dalam mengambil tindakan undang-undang sebagai usaha membasmi dan mencegah penyalahgunaan dadah. Ia bermula dengan penubuhan sebuah agensi kerajaan. Agensi kerajaan ini dinamakan Biro Kawalan Narkotik (BKN) ditubuhkan pada 1 Oktober 1988. Agensi ini bertanggungjawab dalam isu menangani penyalahgunaan dadah dan diberi mandat melaksanakan Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27 bagi mengawal dadah berbahaya dan juga diberikan kuasa undang-undang di bawah Akta Racun Penggal 114, Perintah Mendapatkan Kembali Hasil Jenayah, 2012.[12]

Meskipun undang-undang dalam Akta Penyalahgunaan Dadah ini telah berkuatkuasa seawal tahun 1978 dan mengalami beberapa proses pindaan mengikut keadaan situasi dadah semasa termasuklah memperuntukkan hukuman mati mandatori kepada pemilikan dan pengedaran beberapa jenis dadah yang melebihi kadar tertentu, masalah penyalahgunaan dadah tetap wujud. Bahkan melalui statistik yang dikeluarkan oleh Biro Kawalan Narkotik menunjukkan angka tangkapan kesalahan dadah di negara ini adalah konsisten di mana dalam tempoh lebih kurang (4) tahun kebelakangan ini iaitu daripada tahun 2009 hingga 14 Jun 2012 jumlah tangkapan adalah seramai 1809 orang (Sila lihat lampiran A).[13]

Fenomena ini nyata membimbangkan, lebih-lebih lagi keterlibatan rakyat tempatan berbangsa Melayu yang meneraju jauh ke hadapan berbanding rakyat lain. Nisbah keramaian bangsa Melayu yang dimaklumi mendominasi populasi Negara Brunei Darussalam berbanding bangsa dan warga lain di negara ini tidak dapat dijadikan ruang untuk menarik nafas lega. Kenyataan Pejabat Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Dadah dan Jenayah (UNODC) dalam *Newsletter* mereka bertarikh 7 Mei

---

[12] Maklumat daripada Hajah Pengiran Masnah binti Pengiran Haji Damit, Penolong Pengarah Penyelidikan.

[13] Statistik diperoleh melalui siaran akhbar *Pelita Brunei* keluaran 29 Jun 2012 yang diakses melalui laman sesawang: http://www.pelitabrunei.gov.bn/news/pelita/29jun12/rencana.htm.

2009 yang menyatakan Negara Brunei Darussalam berada di tempat kelima dalam penyalahgunaan dadah jenis *Amphetamine-Type-Stimulants (ATS)* di rantau ini. Walaubagaimanapun kenyataan ini juga tidak seharusnya dibiarkan tanpa sebarang keendahan yang wajar[14] memandangkan penggunaan dadah Kanabis meningkat secara mendadak. Pada tahun 2010 sahaja, pihak berkuasa telah merampas 6.3 kilogram, iaitu jumlah paling tinggi dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini[15].

Dalam pada itu, meskipun dadah tidak mengenal dan memilih golongan dan usia namun seringkali dalam gejala ini yang lebih ramai terlibat adalah golongan muda belia. Kita tidak mahu golongan belia menjadi golongan yang mengidap penyakit *al-Wahn* sebagaimana yang pernah diingatkan oleh Baginda Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* dalam sebuah hadis:

> Mafhumnya: *"Hampir saja bangsa-bangsa mengepung kamu, sebagaimana orang lapar mengepung tempat makanan. Maka seorang sahabat (Radiallahu 'anhu) pun bertanya, "Apakah ketika itu umat Islam telah lemah dan musuh sangat kuat?"Sabda Baginda Sallallahu 'alaihi wasallam: "Bahkan masa itu kamu ramai tetapi kamu umpama buih seperti buih lautan, Allah mencabut daripada dada-dada musuh kamu rasa takut kepada kamu, dan Allah masukkan dalam jantung hati kamu al-Wahn. Sahabat bertanya lagi, "Apakah itu al-Wahn?" Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam. bersabda: "Cintakan dunia dan takut akan kematian".* [16]

Penyakit *al-Wahn* ini amat bahaya dan semestinya dihindari oleh seluruh umat Islam lebih-lebih lagi kaum belia yang di bahu mereka terpikul tanggungjawab berat untuk memacu kemajuan negara.

---

[14] Kenyataan ini disiarkan dalam akhbar *Pelita Brunei* keluaran 6 Julai 2009 yang diakses melalui laman sesawang: http://www.pelitabrunei.gov.bn/news/pelita/06julai/berita06.htm.

[15] Kenyataan ini disiarkan dalam akhbar *Pelita Brunei* keluaran 27 Jun 2012 yang diakses melalui laman sesawang: http://www.pelitabrunei.gov.bn/news/pelita/27jun12/berita16.htm.

[16] Abu Daud, *Sunan Abu Daud, Kitab al-Malahim, Bab fi Tada'i al-Umam 'ala al-Islam,* jilid 4, h. 111, no hadis 4297. Hadis dinilai Sahih oleh Albani.

BELIA MELAYU BERAGAMA ISLAM DAN PENYALAHGUNAAN DADAH

Warga belia adalah populasi paling ramai di Negara Brunei Darussalam iaitu pada kadar 261,800 (77.4%) daripada jumlah penduduknya. Keadaan tambah mencemaskan lagi apabila golongan belia beragama Islam yang paling banyak terjerumus dalam salah satu jenayah dunia paling serius ketika ini. Belia adalah generasi muda yang mengikut takrif Dasar Belia Negara adalah mereka yang berumur 15 hingga 40 tahun sahaja.[17]

Apa yang lebih mendukacitakan lagi, bangsa Melayu yang terjerumus ke lembah penyalahagunaan dadah ini bukan sahaja muda belia tetapi bahkan majoritinya adalah Islam. Senario ini tidak sepatutnya berlaku. Apatah lagi di negara kita ini yang majoritinya adalah beragama Islam dan menjunjung konsep Melayu Islam Beraja selain agama Islam adalah agama rasmi negara. Perangkaan jumlah penduduk Negara Brunei Darussalam pada tahun 2009 menunjukkan bahawa rakyat yang beragama Islam adalah seramai 259,968 daripada 406,200 orang jumlah keseluruhan penduduk.[18] Sedari kecil kita dididik akan bahaya dadah durjana dan memahami akibat keburukannya yang disamakan dengan jenayah membunuh diri. Namun ironinya generasi muda berketurunan Melayu dan beragama Islam masih ramai terlibat dengan penyalahgunaan najis dadah ini. Malah keterlibatan mereka semakin menjadi-jadi.

Kemelut orang muda berbangsa Melayu dan beragama Islam paling ramai dikaitkan dengan jenayah dadah ini sebenarnya bukan suatu yang asing. Masalah sama dihadapi oleh negara jiran Malaysia yang mempunyai kesamaan demografi dengan negara kita. Menurut laporan statistik penagihan dadah yang dibentangkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (ADK) melalui Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (BIONADI), etnik Melayu adalah penagih paling ramai dikesan. Sepanjang Januari hingga Mac 2012 sahaja, penagih Melayu dikesan seramai 1,808 orang (79.26%), berbanding etnik Cina sebanyak 188 orang (8.24%), India 259 orang (11.35%), pribumi Sabah 7 orang (0.31%), pribumi Sarawak 10 orang (0.44%) dan etnik lain 9 orang (0.39%).[19]

---

[17] Walau bagaimanapun mengikut dasar ini pemimpin belia tidak mempunyai had usia; Laman sesawang rasmi Kementerian Kebudayan, Belia dan Sukan: http://www.kkbs.gov.bn/dasar_belia_definasi.html.

[18] Jabatan Perancangan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, yang diakses melalui laman sesawang: http://www.religious-affairs.gov.bn/index.php?ch=134&pg=980&ac=203&bb=132100.

[19] Laporan Dadah, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Kementerian Dalam Negeri bagi bulan Mac 2012 yang diakses melalui laman sesawang rasminya: http://www.adk.gov.my/html/laporandadah/2012/Laporan%20Dadah%20Bulan%20Mac%202012.pdf

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI ISLAM
SULTAN SHARIF ALI

PENGHARAMAN DADAH DALAM ISLAM

Di negara kita penyalahgunaan dadah dikategorikan sebagai perbuatan yang salah menurut Perlembangaan Negara Brunei Darussalam di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah Penggal 27. Beberapa pindaan telah dibuat untuk memastikan 'racun' masyarakat dan 'pembunuh' generasi hari esok ini dapat dikawal dan dibendung.

Di sebalik berbagai bentuk hukuman yang dikuatkuasakan pada zaman ini terhadap jenayah dadah, kesan dan implikasi buruknya telah lama dikenalpasti oleh Islam. Justeru, Islam lebih awal menegah penggunaannya demi kemaslahatan umat manusia. Sesuai dengan prinsip Islam yang mengutamakan kesejahteraan ummah demi menjaga jiwa, harta, keturunan, akal dan maruah.

Ringkasnya, Islam adalah agama syumul yang mengutamakan kesejahteraan dalam semua aspek kehidupan. Setiap perkara dalam kehidupan hatta selepas kematian tidak terlepas daripada landasan dan dasar Islam.

Pengharaman dadah dilihat dalam aspek penyalahgunaannya. Penyalahgunaan di sini bermaksud apabila dadah digunakan tanpa pengawasan atau autoriti pihak perubatan sehingga menyebabkan pergantungan, ketagihan dan kerosakan diri serta masyarakat. Lantaran itu, apa pun jenis dadah yang disalahgunakan dan mempunyai kesan akibat yang serupa seperti arak ia adalah jelas haram di sisi syariat.

Pengharaman entiti dadah ini sekalipun tanpa nas yang sarih, namun dalil-dalil pengharamannya adalah tetap berteraskan kaedah dan prinsip yang digunakan dalam pengambilan hukum daripada al-Quran dan hadis.

i. Pengharaman dadah melalui nas al-Quran

Islam menegah perbuatan yang boleh membinasakan diri dan juga masyarakat justeru Allah berfirman:

وَأَنفِقُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَلَا تُلْقُوا۟ بِأَيْدِيكُمْ إِلَى ٱلتَّهْلُكَةِ ۛ وَأَحْسِنُوٓا۟ ۛ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾

Surah al-Baqarah: (2):195

Oleh itu, dalam ayat yang lain Allah Subhanahu wa Ta'ala mengharamkan khamr, judi, pemujaan berhala dan tilik nasib kerana semua ini membawa bencana. Khusus bagi khamr ia adalah maksud yang merangkumi pengertian dadah kerana impak dan implikasi buruk mengambilnya adalah serupa. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengingatkan dalam surah al-Maidah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِنَّمَا ٱلۡخَمۡرُ وَٱلۡمَيۡسِرُ وَٱلۡأَنصَابُ وَٱلۡأَزۡلَٰمُ رِجۡسٞ مِّنۡ عَمَلِ ٱلشَّيۡطَٰنِ فَٱجۡتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمۡ تُفۡلِحُونَ ٩٠

Tafsirnya: *"Wahai orang-orang yang beriman! bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya".*

Surah al-Maidah:(5):90

ii. Pengharaman dadah melalui nas hadis

Riwayat Ibnu 'Umar *radiallahu 'anh*:[20]

«كُلُّ مُسْكِرٍ خَمْرٌ، وَكُلُّ مُسْكِرٍ حَرَامٌ»

Mafhumnya: *"Setiap yang memabukkan adalah arak (khamar), dan setiap yang memabukkan adalah haram".*

Penegahan dan pengharamannya juga bukan hanya pada meminumnya malah semua perkara yang berkaitan dengannya adalah haram sama ada menjual, memproses, menyajikan dan sebagainya. Ini jelas dilihat daripada dua hadis Baginda Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* di bawah ini, yang pertama diriwayatkan oleh Abu Hurairah *radiallahu 'anh*[21]:

«إِنَّ اللَّهَ حَرَّمَ الْخَمْرَ وَثَمَنَهَا»

[20] Hadis direkodkan oleh Muslim dalam *Sahih*nya, *Kitab al-Asyribah, Bab Bayan anna kulla Muskirin Khamr, wa anna kulla Khamr Haram*, jilid 3, h. 1587, no hadis 73.

[21] Hadis direkodkan oleh Abu Daud dalam *Sunan*nya, *Kitab al-Buyu', Bab fi Thaman al-Khamr wa al-Maitah*, jilid 3, h. 279, no hadis 3485.

Mafhumnya: *"Sesungguhnya Allah mengharamkan arak (khamar) dan harganya".*

Kedua menerusi riwayat Ibnu 'Umar *radiallahu 'anh,* Baginda *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda[22]:

«لَعَنَ اللَّهُ الْخَمْرَ، وَشَارِبَهَا، وَسَاقِيَهَا، وَبَائِعَهَا، وَمُبْتَاعَهَا، وَعَاصِرَهَا، وَمُعْتَصِرَهَا، وَحَامِلَهَا، وَالْمَحْمُولَةَ إِلَيْهِ»

Mafhumnya: *"Allah melaknat arak (khamar), peminumnya, penuangnya, penjualnya, pembelinya, pemerahnya, alat pemerahnya, pembawanya dan orang yang dibawakan kepadanya".*

Meskipun hadis-hadis ini adalah mengenai khamr namun para ulama menjelaskan kaitannya dengan dadah adalah berdasarkan maksudnya yang umum daripada segi bahasa. Para ulama menggunakan lafaz *khamr* bagi semua benda yang meninggalkan kesan kepada akal selepas pengambilannya. Pada asalnya perkataan *khamr* bererti tutup dan perkara yang menutup akal (memabukkan) dan menghilangkan kesedaran dipanggil *khamr* kerana ia menutup akal dan menghalangnya daripada berfungsi seperti biasa. Justeru, pengharaman dadah di sini adalah kerana ia merangkumi *madlul* lafaz.[23]

iii. Pengharaman dadah melalui *qiyas*

Sebahagian ulama menggunakan kaedah *qiyas* untuk pengharaman arak. Mereka mengqiyaskan dadah dengan *khamr* (arak). Ini kerana kedua-duanya berkongsi *illah* (sebab) yang sama iaitu berbagai kemudaratan berlaku kesan daripada pengambilannya seperti memabukkan, merosakkan anggota badan dan punca kepada maksiat dan jenayah lain.[24]

iv. Pengharaman dadah berdasarkan *maqasid*(matlamat) *syar'iyyah*

Pengharaman dadah ini juga selaras dengan justifikasi kaedah-kaedah yang digariskan oleh syariat Islam yang antara kaedahnya ialah menolak mudarat

---

[22] Abu Daud, al-*Sunan, Kitab al-Asyribah, Bab al-'Inab yu'sar li al-Khamr,* jilid 3, h. 326, no hadis 3674.

[23] Lihat: Mohammad Fathi 'Id, (1408H/1988), *Jarimah Ta'ati al-Mukhaddirat fi al-Qanun al-Muqaran,* Riyadh: al-Markaz al-'Arabi li al-Dirasah al-Amniah wa al-Tadrib, jilid 1, h. 374-375; Azman Mohd Noor (Dr), Mohd al-Ikhsan bin Ghazali, (2010), *Penyalahgunaan Dadah Dan Kewajaran Peruntukan Hukuman Mati Ke Atas Pengedar Dadah di Malaysia: Satu Analisa,* Jurnal Fiqh,No. 7 (2010), h. 31-32.

[24] *Ibid,* h. 375.